

04/03/2003

Umat Islam perlu bersatu hentikan kezaliman Israel

Ezaruddin Abd Rahman

KEMATIAN demi kematian di bumi Palestin membuktikan kezaliman Israel semakin berleluasa dan bermaharajalela.

Lihat saja bagaimana seorang kanak-kanak Palestin berusia 13 tahun, Ahmed Abu Elwan dibunuh oleh tentera Israel di Rafah, selatan Semenanjung

Gaza, tanpa perikemanusiaan.

Pembunuhan tidak mengenal usia dan hak asasi manusia dengan jelas dicabuli oleh Israel. Kekejaman di Palestin berterusan dan tidak dikawal.

Ia cukup menggelisahkan pencinta keamanan.

Seorang lelaki, Samio Halawh, 43, ditembak mati di depan isteri dan anak-anaknya bukanlah satu kisah dongeng.

Watak jahat Israel memang tidak boleh dilindungi lagi kerana kematian saban hari berlaku dan ini menjadi bukti kekejaman mereka.

Bumi Palestin bagaikan neraka buat mereka dan seksaan serta tekanan psikologi sering dikenakan terhadap rakyat Palestin.

Krisis yang berlaku di Palestin lama dan penyelesaian terhadap isu ini menjadi tanda tanya.

Kita amat berharap Pertubuhan Persidangan Islam yang dianggotai 57 negara Islam membuktikan kekuatan dan pengaruh mereka menghentikan keganasan di bumi Palestin.

Israel dianggap sebagai anak emas kepada Amerika dan segala tindak tanduknya dilindungi oleh polis dunia itu tanpa memikirkan bantahan dunia.

Israel semakin berani kerana tiadanya seorang pemimpin Islam yang lantang, kecuali Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Negara-

negara Arab gagal menyelamatkan mereka kerana ada beberapa negara Arab yang lemah, mengikut telunjuk dan terpaksa bergantung kepada Amerika.

Kita tidak boleh lagi mengharapkan negara Arab untuk menyelesaikan masalah Palestin kerana terlalu berlembut dan mengambil sikap acuh tidak acuh terhadap isu Palestin.

Strategi untuk bekerjasama dengan Negara-negara Utara seperti Perancis dan Belgium serta beberapa anggota Majlis Keselamatan adalah satu strategi

bijak bagi menangani isu Iraq dan Palestin.

Saya berpendapat negara seperti Perancis dan Jerman lebih prihatin terhadap isu Iraq berbanding negara Arab.

Sekumpulan 16 warga Palestin yang berkunjung ke Malaysia, baru-baru ini,

menceritakan kisah sedih dan duka mereka.

Di antaranya tragedi di Kem Pelarian Jenin pada 3 April tahun lalu apabila 500 rakyat Palestin terbunuh akibat serangan tentera Yahudi dan kematian saudara mereka yang diceritakan oleh delegasi Palestin.

Rakyat Palestin disekat untuk menikmati pendidikan sempurna dan sekolah

dimusnahkan bagi menyekat anak-anak Palestin menjadi bijak pandai.

Rakyat Palestin diancam bunuh dan diperhatikan sepanjang masa.

Kebebasan

mereka disekat dan semuanya hidup dalam ketakutan.

Kita tidak faham kenapa pada zaman moden ini kezaliman dan penindasan masih berlaku di Palestin. Kita perlu bertekad menghentikan masalah ini.

Kami sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan cukup terharu dan bersimpati dengan rintihan rakyat Palestin apabila sesi dialog diadakan di

antara rakyat Palestin dan rakyat Malaysia, baru-baru ini.

Kita memerlukan sebuah negara Islam yang kuat dan mampu menyelamatkan umat Islam di Palestin dan Iraq.

OIC perlu bersungguh-sungguh dan bersatu padu untuk melahirkan negara Islam yang lebih kuat atau sekuat Amerika, China, Russia atau Perancis. Kita berdoa agar bumi Palestin dibebaskan daripada segala bentuk penindasan dan kekejaman.

Kita perlu menyekat dan menghentikan sikap biadap Israel terhadap rakyat

Palestin. Kita perlu memberi sokongan padu dan tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir yang boleh dianggap Bapa Keamanan Dunia untuk menyelamatkan Palestin daripada terus menderita.

Rintihan rakyat Palestin perlu diambil perhatian oleh umat Islam dan sampai masanya negara Islam tegas untuk menghentikan kezaliman Israel.

EZARUDDIN ABD RAHMAN,

Timbalan Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia.